

# Lukisan ikan arowana dinobatkan anugerah khas

BH 17/7/2022 ms: 36

Lukisan ikan arowana dihasilkan pelajar tahun akhir Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka (Seni Reka Tekstil) Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kelantan cukup menarik tumpuan hingga diberikan anugerah khas sempena perasmian Pameran Motif dan Reka Corak Tekstil di Muzium Tekstil Negara, baru-baru ini.

Diilhamkan daripada motif kendik sirik iaitu motif yang boleh dijumpai pada bahagian kaki kain songket, lukisan berkenaan mengambil masa dua hari untuk disiapkan.

Pemilik karya yang cukup berbakat besar, Nur Shakeira Abdul Hamid, 21, memaklumkan penyelidikan tentang latar belakang objek tersebut lebih dahulu sebelum satu-satu lukisan dihasilkan.

“Lukisan ikan yang saya hasilkan itu diilhamkan daripada motif kendik sirik iaitu motif yang boleh dijumpai pada bahagian kaki kain songket. Untuk setiap lukisan saya hasilkan.

“Saya akan membuat penyelidikan dahulu tentang latar belakang objek itu supaya menjadi lebih bermakna dan bukan sekadar lukisan semata-mata.

“Tempoh dua hari untuk hasilkan

lukisan ini yang menggunakan media cat air dan kering sebelum saya boleh mengaplikasikan lapisan warna baru pada permukaan sama.

“Saya juga menggunakan pensel warna. Gabungan dua media ini memberikan kesan lebih realistik dan menonjolkan nilai-nilai prinsip rekaan dalam lukisan dihasilkan,” katanya.

## **Kekalkan tradisi seni elak pupus**

Beliau berasal dari Melaka gambira dan teruja pertama kali menyertai pameran di Muzium Tekstil Negara.

“Dengan bantuan pensyarah jabatan Tekstil UiTM Cawangan Kelantan, saya dan semua pelajar lain dapat menghasilkan karya diluar jangkaan dan sangat hebat. Kami bertungkus-lumus dan berusaha keras menghasilkan karya walaupun banyak kekangan waktu.

“Terima kasih kepada ibu bapa banyak memberi sokongan dari segi mental dan fizikal serta menitipkan doa sepanjang perjalanan pembelajaran saya. Terima kasih juga kepada rakan turut membantu. Hasil karya mereka juga sangat kreatif dan menarik,” katanya.

Beliau berkata, lebih daripada 100



▲  
Nur Shakeira terima anugerah khas dengan karya bertemakan ikan arowana.



karya berdasarkan kain tradisi tekstil dipamerkan pelajar UiTM cawangan Kelantan pada pameran itu..

Karya dipamerkan adalah batik, cetakan, tenunan dan tapestry, selain kertas kerja dipamerkan secara nyata.

Kesemua karya berdasarkan subjek kajian pelajar seperti kain songket, batik, tekat, ikat limar dan banyak lagi.

“Setiap motif yang terdapat pada kain kajian terbabit mempunyai nilai estetika yang sangat tinggi, contohnya motif pucuk rebung lawi ayam berasal daripada pucuk rebung dan bahagian lawi ayam digabungkan dan menjadi motif yang mempunyai keunikan dan jalan ceritanya tersendiri.

“Banyak motif-motif menarik yang jarang dilihat dan diketahui oleh masyarakat yang berjaya kami keluarkan dan ia diolah menjadi suatu karya baharu dengan mengekalkan ciri-ciri kain tradisi tekstil asal,” katanya.

Nur Shakeira yang kini menyambung pengajian peringkat ijazah seni lukis dan seni reka (tekstil) di UiTM, Shah Alam, turut kagum dan terharu dengan inisiatif Muzium Tekstil Negara untuk mengenengahkan dan mendedahkan aktiviti dan karya seni tekstil kepada masyarakat.